

NAMA: _____ KELAS: _____

PELAJARAN 24: AKHLAK ISLAMIYAH: MULIAKAN IBU BAPA BAHAGIAKAN KELUARGA

TENTUKAN cara beradab kepada ibu bapa sama ada melalui HATI, PERCAKAPAN atau TINGKAH LAKU dan PILIH.

NO.	MAKSUD	HATI/ PERCAKAPAN/ TINGKAH LAKU
1.	Menjaga hubungan baik dengan kawan ibu bapa dapat mengeratkan silaturrahim dalam masyarakat.	
2.	Bersopan santun bercakap dengan nada suara dan intonasi yang lemah lembut.	
3.	Prihatin dan mengambil berat dengan selalu bertanya khabar serta menghulurkan bantuan yang diperlukan.	
4.	Menggunakan suara yang lembut bagi menyenangkan hati dan menjaga perasaan mereka.	
5.	Setiap anak wajib berkasih sayang terhadap ibu bapa.	
6.	Merawat dan menjaga ibu bapa yang sakit dan tua.	
7.	Tidak menyanggah percakapan ibu bapa, mendengar dengan penuh perhatian, jika tidak bersetuju dengan apa yang diperkatakan diam sahaja.	
8.	Hormat-menghormati antara satu sama lain dengan memupuk kasih sayang dan membina keluarga bahagia.	

TEKAN tiga nasihat Luqmanul Hakim sebagai panduan yang kamu tahu.



Isi tempat kosong dengan SERET pilihan jawapan yang berkaitan PUNCA penderhakaan anak kepada ibu bapa.

sekolah	buruk	agama	menghormati	rakan
---------	-------	-------	-------------	-------

PUNCA PENDERHAKAAN KEPADA IBU BAPA

1.	Anak kurang penghayatan _____ sehingga tidak dapat menilai antara baik dengan buruk.
2.	Anak kurang penghayatan agama di _____ dan tidak mengamalkan apa-apa yang dipelajari malah hanya sekadar untuk lulus dalam peperiksaan sahaja.
3.	Anak terpengaruh dengan perlakuan _____ yang negatif.
4.	Rakan yang melakukan perkara yang tidak baik akan mempengaruhi kita supaya melakukan perkara yang _____.
5.	Anak tidak _____ dan tidak mendengar nasihat ibu bapa semata-mata hendak menjaga hati rakan.

PILIH akibat tidak beradab kepada ibu bapa dan keluarga sama ada dari aspek INDIVIDU, MASYARAKAT atau NEGARA.

NO.	MAKSUD	
1.	Anak tidak menghormati ibu bapa dan anggota keluarga akan dibenci.	
2.	Susah untuk mendapat kawan yang baik kerana orang yang baik tidak akan berkawan dengan kita	
3.	Berlaku pelbagai gejala sosial yang menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan banyak wang, tenaga dan masa untuk pemulihan akhlak.	
4.	Anak yang derhaka kepada ibu bapa bererti mereka telah melanggar perintah Allah dan akan dimurkai Allah.	
5.	Tidak maju kerana institusi kekeluargaan runtuh.	
6.	Anggota keluarga berpecah dan susah untuk mendapatkan pertolongan.	